




# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK ;  
IBADAH KORBAN  
SIMBOL KETAATAN  
KEPADA ALLAH**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "IBADAH KORBAN SIMBOL KETAATAN KEPADA ALLAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : ذَلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى الْقُلُوبِ

2



أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT, iaitu menurut segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya supaya kita memperoleh keredaan dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

6

Khutbah hari ini bertajuk "**IBADAH KORBAN SIMBOL KETAATAN KEPADA ALLAH.**"



Ibadah Korban yang disebut sebagai Udhiah (أضحية) ialah penyembelihan haiwan ternakan, adalah untuk mendampingkan diri kepada Allah SWT. Ia dilakukan bermula pada 10 Zulhijjah hingga sebelum masuk matahari pada 13 Zulhijjah.

7

Ibadah Korban berperanan sebagai platform bagi seseorang untuk menzahirkan kesyukuran kehadrat Allah SWT di atas nikmat yang dilimpahkan-Nya. Ia juga merupakan sebahagian daripada syiar Islam dan sebagai tanda ketakwaan hati dan kehambaan orang-orang yang beriman.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 32 yang dibaca pada permulaan khutbah ini yang bermaksud:

*"Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin."*

8

Keutamaan ibadah korban adalah berdasarkan beberapa hadis, antaranya daripada A'isyah Radhiyallahuhanha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

9

**مَا عَمِلَ آدَمٌ مِّنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ**

*"Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada hari raya korban yang lebih disukai oleh Allah SWT, melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban)."*

10

*(Riwayat al-Tarmizi).*



Difahami daripada hadis ini bahawa amalan menginfakkan harta untuk melaksanakan ibadah korban adalah suatu amalan yang sangat baik.

11

Pensyariatan Ibadah korban terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Kautsar ayat 1-3:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأُخْرَ ۝ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ  
الْأَبْرَرُ ۝

12

“Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya).”

13

Menurut Al-Sunnah pula, kelebihan berkorban ialah:

Titisan darah korban yang pertama merupakan pengampunan bagi dosa-dosa yang lalu. 'Imran bin Husain Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Fatimah Radiallahuanha yang bermaksud:

“Wahai Fatimah, pergilah ketempat (penyembelihan) korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu merupakan pengampunan bagimu diatas dosa-dosamu yang lalu.”

14

(Riwayat al-Hakim).



Demikian juga, bagi setiap helai rambut dan bulu binatang yang dikorbankan ada kebijakannya. Darah korban yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia disisi Allah SWT. A'ishah Radiallahuanha meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

15

إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونَهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقُ౦ مِنَ  
اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ فَطَبِّبُوا إِلَيْهَا نَفْسًا

“Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada hari kiamat bersama tanduk, kuku dan bulunya dan Allah memberi pahala korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu elokkanlah korban kamu.”

16

(Riwayat al-Tirmizi).

Ibadah korban hukumnya sunat Muakkad. Walau bagaimanapun hukumnya bertukar kepada wajib, jika korban itu diniyatkan sebagai nazar. Hadis daripada Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

17

مَنْ نَذَرَ أَنْ يُطِيعَ اللَّهَ فَلْيُطِعْهُ

“Sesiapa yang bernazar untuk mentaati Allah, maka hendaklah dia mentaatinya.”

(Riwayat al-Bukhari).



Sebagaimana dimaklumkan, penyembelihan binatang korban ini hanya datang setahun sekali. Oleh itu, jika kita berkemampuan janganlah lepaskan peluang keemasan ini demi mengharapkan ganjaran dan keredaan Allah SWT. Marilah kita semarakkan syiar Islam ini, selagi hayat dikandung badan. Marilah kita jadikan Iduladha tahun ini lebih meriah dengan menginfakkan harta yang dianugerahkan kepada kita.

18

Amalan berkorban dapat mengekalkan ingatan kita kepada sejarah tiga manusia, iaitu Nabi Ibrahim Alaihissalam sebagai ayah, Hajar sebagai Ibu dan Nabi Ismail sebagai anak. Nabi Ibrahim diperintahkan oleh Allah SWT untuk menyembelih anaknya, Nabi Ismail. Begitulah Allah memberi pahala sebagai balasan kepada orang-orang yang berbuat kebaikan disebabkan mentaati Allah SWT. Bukan sekadar pahala sahaja tetapi Allah telah melepaskan dari kesusahan dan kedukaan dengan dikurniakan Zibhin Azim (ذِبْحٌ عَظِيمٌ) seekor binatang sembelihan yang besar.

19

Allah SWT berfirman dalam surah al-Saffat ayat 105-107:

قَدْ صَدَقْتَ الْرُّعْيَاً إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ١٥٠ إِنَّ هَذَا لَهُوَ  
الْبَلُوْأُ الْمُبِينُ ١٥١ وَفَدِينَاهُ بِذِبْحٍ عَظِيمٍ

20

*"Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu. Demikianlah sebenarnya Kami membalaas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata. Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar."*

21



Kepatuhan Nabi Ibrahim Alaihiassalam untuk menyembelih satu-satu puteranya itu memaparkan kekuatan iman dan keteguhan mental Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sangat kental. Pengorbanan yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam ini hendaklah diterapkan dalam semua tindak tanduk individu ke arah membina ummah wibawa.

22

Ibadah korban turut membawa elemen kesatuan ummah. Bermula dari unsur perkongsian binatang sembelihan dengan pembahagian tertentu, bergotong royong melaksanakan ibadah korban, lalu mengagihkannya kepada fakir miskin, saudara mara, sahabat handai dan jiran tetangga. Ini semua melahirkan sikap kebersamaan dan cakna, persaudaraan yang merapat, erat, kukuh dan prihatin.

23

Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

24

*"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai."*

Oleh itu, setiap orang itu hendaklah sedia berkorban untuk mempertingkatkan kualiti dirinya, organisasinya, masyarakat dan negaranya dengan memberi kepentingan terbanyak berbanding kepentingan peribadi. Berkorban dunianya untuk agama Islam dan umatnya. Tanpa adanya pengorbanan, janganlah diharapkan datangnya kejayaan dan kebahagiaan hidup. Mengorbankan amarahnya, lidah dan perbuatannya untuk menyelamatkan diri dari terjebak dengan fitnah dan perbalahan. Mengorbankan masa lapang untuk membaca Al-Quran, ilmu-ilmu Islam dan melakukan amal soleh.

25



Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati saranan berikut;

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa amalan penyembelihan binatang korban adalah syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT.
2. Umat Islam yang rela menginfaqkan harta untuk menyertai ibadah korban, membuktikan simbol kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah menjadikan falsafah dan inti ibadah korban sebagai pendorong kepada kesatuan ummah untuk negara yang lebih sejahtera, aman dan makmur.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa berkorban untuk menyelamatkan dirinya dan diri orang lain dari kemurkaan Allah SWT dan azab api neraka.
- 5.

26

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَا أَنفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ  
٢٩

27

"...dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan mengantikannya  
dan Dialah jua sebaik-baik Pemberi rezeki."

28

(Saba' : 39).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَكُتُوهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

7

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ.

8



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَاءِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ  
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ  
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرْمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.

17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾</p>	21
<p>فَإِذْ كُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22